

03/04/2002

NUTP tidak halang ahli keluar kesatuan

Shamsul Azree Samshir

IPOH, Selasa - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyifatkan tindakan ahlinya meninggalkan kesatuan itu sebagai hak mereka serta tidak boleh dihalang.

Presidennya, Tengku Habsah Tengku Petera, berkata NUTP tidak bercadang campur tangan apabila semakin ramai ahlinya mahu meninggalkan kesatuan itu.

"Jika ahli hendak keluar masuk kesatuan, itu hak dia. Kesatuan tidak boleh beri sebarang komen," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan lima guru besar sekolah di Seremban, Negeri Sembilan yang didakwa NUTP mengamalkan pengasingan murid, bertindak keluar dari kesatuan kerana tidak berpuas hati dengan kepimpinannya.

Jurucakap kumpulan guru besar itu, Saliha Yahya, dilaporkan berkata tindakan itu dibuat berikutan tekanan yang diterima sejak isu itu dibangkitkan Setiausaha Agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam.

Isu NUTP dan dakwaan pengasingan muridnya masih belum berakhir apabila semakin banyak pihak memberi reaksi malah bertindak meninggalkan kesatuan itu.

Isu itu bermula apabila pengurusan kesatuan dalam memorandumnya pada 26 Disember lalu, mendakwa kuasa guru besar dan pengetua dikatakan tidak digunakan secara konsisten dengan dasar pendidikan negara yang menekankan perpaduan antara kaum dan pihak sekolah mengkhususkan kelas terbaik untuk pelajar Melayu `atas arahan pihak atasan'.

Jumaat lalu, NUTP memohon maaf serta menerima nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan isu itu.

Tengku Habsah berkata, NUTP menganggap isu pengasingan pelajar mengikut kaum sudah berakhir dan berharap semua pihak menerima pernyataan maaf kesatuan itu.

"Kita anggap isu itu sudah berakhir. Kesatuan tidak mahu lagi memberi komen mengenainya.

"Janganlah diungkit lagi dan biarlah kita semua patuhi apa yang dinyatakan oleh Dr Mahathir mengenai isu itu," katanya.

Tengku Habsah berkata, apa yang dilakukan oleh NUTP sekarang ialah mematuhi nasihat Dr Mahathir dengan tidak mahu menggembar-gemburkan isu itu lagi.

(END)